

Nik Aziz akui tersilap cakap ketika ceramah

15 FEB 2002

Jleh Veena Rusli

KOTA BHARU, Rabu - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, hari ini mengakui tersilap ketika berceramah dengan mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai tidak pandai membaca al-Quran.

Beliau berkata, apa yang sebenarnya ingin dikatakan ialah Dr Mahathir tidak tahu berbahasa Arab.

"Berhubung kenyataan saya bahawa Dr Mahathir sendiri mengaku tidak pandai membaca al-Quran, saya ingin menjelaskan bahawa apa sebenarnya yang saya nak katakan ialah beliau tidak tahu berbahasa Arab.

"Saya cuma nak mem-

perbetulkan dan menjelaskan kenyataan itu.

"Saya nak katakan (Dr Mahathir) tak tahu berbahasa Arab, tapi hak (yang) keluar dari mulut ialah tak tahu baca al-Quran... itu perkara biasalah silap cakap tu dan saya nak perbetulkan kenyataan saya," katanya.

Beliau yang juga Menteri Besar Kelantan berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) di Kota Darul Naim di sini, hari ini.

Ahad lalu, seorang ahli perniagaan membuat laporan polis berhubung kenyataan berbentuk fitnah Nik Abdul Aziz terhadap Perdana Menteri.

Mohd Zain Yasim, 35,

membuat laporan itu di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) ini, kira-kira jam 5.40 petang, bersama kaset dipercayai mengandungi rakaman ucapan Nik Abdul Aziz sebagai bukti.

Beliau berkata, dakwaan Nik Abdul Aziz kononnya Dr Mahathir tidak tahu membaca al-Quran disampaikan dalam satu ceramah di Sekolah Meneengah Agama Arab Beris Lalang, dekat sini, kira-kira jam 11 malam, Sabtu lalu.

Mengenai kemungkinan masyarakat membuat tafsiran berbeza walaupun selepas penjelasan itu, Nik Abdul Aziz berkata, sesiapa pun berhak membuat kesimpulan sendiri.

Ditanya sama ada beliau akan bekerjasama dengan

polis yang dilaporkan sudah membuka kertas siasatan berhubung isu itu, beliau berkata:

"Saya dah buat penjelasan bahawa ini hanya satu kesilapan yang perlu diperbetulkan dan saya nak betulkan... harapnya mereka (polis) terimalah penjelasan ini," katanya.

Semalam, Timbalan Ketua Polis Kelantan, Senior Asisten Komisioner II Abdul Aziz Nawawi dipetik berkata, polis sudah memulakan siasatan berhubung aduan membabitkan kenyataan Nik Abdul Aziz mendakwa Dr Mahathir tidak tahu membaca al-Quran dan kes disiasat mengikut Seksyen 500 Kanun Keseksaan.